

# 2,517 pelajar UMP dibenar pulang beraya

Harian Metro (Covid-19) 9/5/2021 m/s: 10

**Kuantan:** Seramai 2,517 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) pulang berhari raya di kampung halaman masing-masing secara berperingkat yang bermula kelmarin.

Sebanyak 18 bas disediakan oleh UMP bagi melancarkan penghantaran pulang pelajar mengikut jadual yang ditetapkan.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Prof Datuk Dr Yuserrie Zainuddin berkata, pada hari pertama, lebih 900 pelajar pulang menaiki kenderaan sendiri, kenderaan UMP, kapal terbang dan diambil oleh ibu bapa.

Menurutnya, UMP turut menyediakan juadah sahur bagi semua pelajar yang menaiki kenderaan universiti dengan tajaan Yayasan UMP.

“Pihak pengurusan UMP bersetuju menetapkan mekanisme kawalan iaitu pergerakan pelajar dilaksana-



DR Yuserrie beramah mesra dengan pelajar yang pulang ke kampung bagi menyambut Aidilfitri.

kan secara berfasa bagi memastikan pergerakan pelajar terkawal.

“Pelajar turut diberi pilihan sama ada pulang ke kediaman masing-masing atau kekal di kampus sempena cuti Aidilfitri.

“Tarikh yang ditetapkan bagi pergerakan pulang ke rumah berdasarkan tiga

kaedah pergerakan pulang pelajar iaitu menggunakan kenderaan sendiri atau dijemput ibu bapa atau penjaga atau menggunakan kenderaan yang diselaras-kan UMP,” katanya dalam kenyataan media, semalam.

Bagi pelajar yang pulang menggunakan kenderaan sendiri, beliau berkata, me-

reka dibenarkan memandu dengan surat kebenaran yang dikeluarkan UMP bermula 7 hingga 12 Mei ini.

Katanya, semua pelajar dijangka kembali ke kampus pada 15 hingga 20 Mei ini.

“Pelajar tidak dibenarkan menggunakan kenderaan awam kecuali perkhidmatan penerbangan.

“Selain itu, bagi pergerakan ibu bapa dan penjaga pelajar yang membabitkan keperluan merentas daerah atau negeri perlu membawa bersama surat pelepasan perjalanan rentas daerah dan negeri.

“Bagi pelajar yang menggunakan kenderaan yang diselaras UMP, pengangkutan akan disediakan namun jumlahnya agak terhad.

“Masa perjalanan dan pusat hentian bas bagi setiap negeri adalah berdasarkan ketetapan UMP iaitu pergerakan bermula pada 7 hingga 11 Mei dan kembali ke kampus pada 15 hingga 20 Mei 2021,” katanya.